

agro



TEKNOLOGI pertanian bandar berturut diperkenalkan.



KEJAYAAN UPM sebagai institusi pertanian di negara memang diakui.

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.my



UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) terus unggul sebagai antara institusi pengajian tinggi yang menawarkan bidang pertanian apabila menduduki tempat pertama dalam kalangan negara ASEAN.

Menurut Naib Canselornya, Prof. Datin Dr. Aini Ideris, UPM juga berada dalam kedudukan antara tujuh universiti terbaik Asia dalam bidang pertanian dan ke-45 di dunia bagi kategori yang sama.

"Memang terdapat negara ASEAN yang dianggap hebat dalam pertanian seperti Thailand tetapi ia hanya melibatkan aktiviti dalam negara sedangkan UPM dinilai secara keseluruhannya," ujarnya.

Beberapa tahun lepas, UPM disenaraikan pada kedudukan ke-54 terbaik di dunia dalam bidang pertanian dalam penarafan *Best Global Universities Rankings* oleh *US News and World Report*.

Ketika itu, *Best Global Universities Ranking* turut menyenaraikan lima universiti terbaik di dunia dalam bidang sains pertanian iaitu Wageningen University and Research Center, University California - Davis, Universiti Cornell, China Agricultural University dan Universidade de Sao Paulo.

Penarafan baharu itu memfokuskan penyelidikan keseluruhan institusi, reputasi global dan regional, prestasi

UPM terus unggul dalam pertanian

Lonjakan nama universiti di persada antarabangsa

penyelidikan yang menggunakan indikator penerbitan, staf akademik dan bilangan lulusan Ph.D.

Terdapat lapan indikator utama untuk penarafan subjek iaitu reputasi penyelidikan global, reputasi penyelidikan serantau, penerbitan, *normalized citation impact*, kepujian keseluruhan, jumlah kertas penerbitan berkepujian tinggi, peratusan kertas penerbitan berkepujian tinggi dan kerjasama antarabangsa.

Kata beliau lagi, bidang pertanian merupakan *niche area* atau bidang kebitaraan UPM.

"Semua komuniti UPM menzahirkan rasa bangga atas pencapaian cemerlang ini kerana kesungguhan dan komitmen dalam memartabatkan ilmu pertanian telah meletakkan UPM antara yang terbaik di

dunia," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan memastikan tiga elemen utama itu pengajaran, penyelidikan dan pengembangan dalam bidang pertanian di UPM terus diperkasa dan 60 peratus daripadanya merupakan hal berkaitan pertanian.

Menurut Aini, penarafan adalah penting bagi meletakkan UPM antara pilihan utama termasuk dalam kalangan pelajar antarabangsa selain menarik minat industri atau swasta untuk menjalankan kerjasama pelbagai bidang.

Malah pihaknya berbangga ketrampilan UPM dalam bidang sains pertanian turut terbukti apabila berjaya melahirkan 49 syarikat terbitan (*start up company*) dalam bidang pertanian hasil daripada program inkubasi yang diwujudkan untuk melahirkan usahawan tani.

Dalam pada itu universiti berkenaan juga berjaya meraih kedudukan 49 universiti terbaik Asia dalam penarafan *QS Asia University Ranking 2016* selain membuat lonjakan tertinggi antara universiti tempatan dalam 100 universiti terbaik Asia iaitu sebanyak 17 tangga.

UPM juga berjaya menempatkan diri pada kedudukan kedua terbaik Malaysia, kelima terbaik Asia Tenggara dan mencatat peningkatan dalam penarafan ini buat tahun ketiga berturut-turut sejak tahun 2014.

Beliau berkata, pencapaian memberangsangkan UPM pada tahun ini melangkaui sasaran awal yang telah ditetapkan iaitu untuk mendapat 60 terbaik Asia.

Dengan lonjakan 17 tangga

berbanding tempat ke-66 pada tahun lepas, ia akan menguatkan lagi semangat warga kampus bagi meningkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan UPM.

"Pencapaian ini diharap dapat membantu melonjakkan lagi tahap kecemerlangan UPM yang pada akhirnya memberi sumbangan bermakna kepada kesejahteraan masyarakat dan kemajuan negara," tambah beliau.

Dr. Aini juga berkata UPM akan mempergiat inisiatif Putra Global agar dapat mencapai kedudukan 200 universiti terbaik dunia menjelang 2020 selari dengan visinya iaitu ke arah universiti bereputasi antarabangsa.

Pada tahun ini, QS telah memperkenalkan satu indikator baharu iaitu staff dengan PhD dan UPM berjaya mendapat skor tertinggi bagi indikator ini dalam kalangan 20 universiti Malaysia yang tersenarai.

Berdasarkan 10 indikator yang diguna pakai QS, selain indikator baharu itu, UPM

berjaya meningkatkan skor dalam enam indikator iaitu kadar pelajar fakulti, kepujian setiap penerbitan, kertas penerbitan setiap fakulti, pelajar antarabangsa serta pertukaran pelajar.

Universiti penyelidikan lain dalam senarai 100 terbaik ialah UM pada ranking ke-20 (tahun lalu 29), USM 51(49), UKM 55 (56) dan UTM 63 (61). *QS Asia University Ranking* ialah agensi beroperasi di United Kingdom yang membuat penarafan 350 universiti utama Asia.

Dalam pada itu Aini berkata, UPM telah berjaya menjana pendapatan sehingga RM52 juta menerusi 49 inovasi yang telah dikomersialkan sehingga tahun lepas.



DR. AINI IDERIS



UPM mencatat kejayaan terbaharu dalam pembiakan ikan tilapia.